



ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI 2003

SEKSYEN 124 : POLIGAMI TANPA KEBENARAN

Merupakan satu kesalahan

*Sabit kesalahan DENDA RM 1000 atau
penjara tidak melebihi 6 bulan atau
keduanya*


SEKSYEN 38 : AKUAN ATAU PENYATAAN PALSU UNTUK MEMBOLEHKAN PERKAHWINAN

Merupakan satu kesalahan

*Sabit kesalahan boleh didenda RM 2000
atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau
keduanya*

PAYUNG EMAS tidak ada nas dalam Al-Quran dan al-Hadith. Ianya adalah rekaan dan merupakan perspektif yang tidak yang benar.

Seorang isteri berhak untuk membantah suaminya berpoligami tetapi tidak berhak untuk mengharamkan hukum poligami kerana poligami dihalalkan dalam Islam dengan syarat mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Islam.



JHEAINS
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN



POLIGAMI

*Indahnya Jika
Mengikut Syariat*

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN
(BAHAGIAN PENGUATKUASAAN)

Pusat Dakwah Islamiah, Jalan Paroi Senawang,
70400 Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-6771890 / 1891 | Fax: 06-6771802
email: pkuasaan.jheains@ns.gov.my

POLIGAMI

Kebolehan setiap lelaki Islam mengahwini perempuan samada dua, tiga atau sehingga empat orang dengan syarat suami harus berlaku adil terhadap semua isteri.

"Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan lain dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil, maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja.

(Surah an-Nisa : 3)



HUKUM BERPOLIGAMI

Hukum poligami yang dipegang oleh Jumhur Ulama adalah 'harus' TETAPI boleh berubah samada SUNAT, MAKRUH ataupun HARAM.

SUNAT

"Jika suami beristeri satu tidak dapat menjaga syahwatnya dari zina dan maksiat atau isteri itu sakit atau isteri itu mandul tidak boleh mengandung sedangkan suami itu inginkan anak.

MAKRUH

Jika sekadar untuk berseronok walhal suami ragu akan kemampuan dirinya untuk berlaku adil terhadap isteri-isteri Berkata Imam al-Khatib al-Syirbini: "Dan disunatkan untuk tidak menambah isteri lebih satu tanpa ada keperluan yang zahir."

HARAM

Jika seorang lelaki merasa yakin tidak mampu berlaku adil lantaran kelemahannya atau kerana hilang kepercayaan atau berat sebelah dan pilih kasih yang boleh mendatangkan kemudaratan.

PERINGATAN UNTUK PARA SUAMI !!!

- Tidak boleh melebihi 4 orang isteri dalam satu-satu masa.
- Diharamkan bagi suami mengumpulkan wanita-wanita yang masih ada tali persaudaraan.

(Rujuk surah an-Nisa : 23)

- Berlaku adil (giliran bermalam, kasih sayang, tidak menimbulkan huru-hara @ masalah).

(Rujuk surah an-Nisa : 129)

- Adil memberikan nafkah Zahir dan nafkah Batin.
- Permohonan mesti di buat di Mahkamah Tinggi Syariah.
- Poligami tidak memerlukan kebenaran isteri pertama namun isteri pertama akan dipanggil perbicaraan permohonan persetujuan perintah nafkah dan lain-lain.